

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

NO. SOALAN : 21

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah Kerajaan bercadang
untuk menaiktaraf loji air di Kanibongan, Pitas
memandangkan loji sedia ada sangat kecil dan tidak
dapat menampung keperluan masyarakat
setempat dan adakalanya loji ini akan mengalami
kekeringan simpanan air terutamanya pada musim
kemarau.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha dan komited dalam menyediakan dan meningkatkan kemudahan serta keperluan infrastruktur asas luar bandar di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, cadangan untuk menaik taraf loji air di Kanibongan, Pitas tiada di dalam perancangan kementerian ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar di seluruh Malaysia dan Sabah khususnya dilaksanakan secara berperingkat dan tertakluk kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan Kerajaan Negeri serta kedudukan semasa kewangan kerajaan dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

SOALAN : 22

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk menaiktaraf jeti feri penumpang di Karakit Pulau Banggi dari jeti kayu yang ada sekarang ke konkrit lengkap dengan kemudahan yang diperlukan bagi keselamatan penumpang yang meningkat sepanjang tahun.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Jeti penumpang Karakit Pulau Banggi adalah di bawah seliaan Pejabat Daerah Kecil Pulau Banggi dan di bina di atas tanah Kerajaan Negeri Sabah manakala kerja-kerja penyelenggaraan turut dilaksanakan sendiri oleh pihak Pejabat Daerah Kecil Pulau Banggi. Kementerian juga dimaklumkan oleh Pejabat Daerah Kecil Pulau Banggi bahawa pejabat berkenaan pada Mei 2017 telah meluluskan projek untuk membina jeti baru berdekatan dengan jeti Karakit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD [SIPITANG]

SOALAN : 23

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (Awat) atau sebelum ini dikenali sebagai Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini, dan sehingga kini berapa banyak saman sudah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menerusi Awat.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Automated Enforcement System (AES) yang kini telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System (AwAS)* telah terbukti secara data saintifik dalam mengurangkan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya. Sebagai contoh, analisis terkini yang dijalankan oleh MIROS semasa Operasi Tahun Baru Cina (OPS TBC) 2017 di tujuh (7) lokasi mudah alih menunjukkan peningkatan kadar pematuhan had laju sebanyak 18.9% iaitu meningkat dari 60.3% sebelum penguatkuasaan kepada 79.2% selepas penguatkuasaan.

Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan tiada kematian yang dicatatkan bagi tempoh OPS TBC 2017 berbanding 2 kematian yang dicatatkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Bilangan kemalangan juga telah menurun sebanyak 18 kes (90%) kemalangan iaitu daripada 20 kes pada tahun 2016 kepada 2 kes pada tahun 2017.

Mengambil kira senario tersebut, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menambah pemasangan kamera tetap di tujuh (7) lokasi baharu selain 14 lokasi sedia ada pada pertengahan bulan Jun 2017 menjelang musim perayaan yang lepas. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pihak MIROS masih dalam proses melakukan analisis dan pengumpulan data untuk menilai keberkesanan di 7 lokasi tambahan kamera AwAS.

Sehingga 31 Julai 2017, jumlah saman yang telah dikeluarkan melalui AwAS adalah sebanyak 3,087,732 saman.